



15 Disember 2020
15 December 2020
P.U. (A) 357

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

ORDINAN DARURAT (KUASA-KUASA PERLU)
(NO. 2) 2020

*EMERGENCY (ESSENTIAL POWERS)
(NO. 2) ORDINANCE 2020*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

ORDINAN DARURAT (KUASA-KUASA PERLU) (NO. 2) 2020

Suatu Ordinan yang dimasyhurkan oleh Yang di-Pertuan Agong menurut Fasal (2B) Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan.

[12 Disember 2020]

BAHAWASANYA disebabkan oleh suatu darurat besar sedang berlaku yang mengancam keselamatan, kehidupan ekonomi dan ketenteraman awam di dalam sebahagian daripada Persekutuan iaitu di Bahagian Pilihan Raya Parlimen P.054 Gerik, Perak berikutan wabak penyakit berjangkit, iaitu Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19), suatu Proklamasi Darurat telah dikeluarkan oleh Yang di-Pertuan Agong di bawah Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan pada dua belas hari bulan Disember, dua ribu dua puluh:

DAN BAHAWASANYA Yang di-Pertuan Agong berpuas hati bahawa tindakan serta-merta adalah dikehendaki bagi menjamin dan mengekalkan keselamatan, kehidupan ekonomi dan ketenteraman awam:

MAKA ADALAH DENGAN INI DIMASYHURKAN SUATU ORDINAN oleh Yang di-Pertuan Agong menurut Fasal (2B) Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan seperti yang berikut:

Tajuk ringkas

1. Ordinan ini bolehlah dinamakan **Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu) (No. 2) 2020**.

Pilihan raya Parlimen

2. (1) Bagi tempoh darurat berkuat kuasa, kehendak untuk mengisi kekosongan luar jangka di kalangan ahli Dewan Rakyat dalam tempoh enam puluh hari dari tarikh dipastikan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya bahawa ada kekosongan luar jangka di bawah Perkara 54 Perlembagaan Persekutuan tidak mempunyai kesan bagi maksud Bahagian Pilihan Raya Parlimen P.054 Gerik, Perak.

(2) Tarikh yang telah ditetapkan bagi maksud menjalankan pilihan raya kecil bagi Bahagian Pilihan Raya Parlimen P.054 Gerik, Perak adalah dibatalkan dan apa-apa prosiding yang telah bermula bagi maksud penjalanan pilihan raya itu tidak diteruskan.

(3) Bagi maksud mengadakan pilihan raya kecil bagi mengisi kekosongan luar jangka bagi Bahagian Pilihan Raya Parlimen P.054 Gerik, Perak, Suruhanjaya Pilihan Raya hendaklah menetapkan pilihan raya kecil itu dalam tempoh enam puluh hari dari tarikh Proklamasi Darurat (No. 2) dibatalkan atau diumumkan, tertakluk kepada proviso kepada Fasal (1) Perkara 54 Perlembagaan Persekutuan tentang kekosongan luar jangka.

DIMASYHURKAN di Istana Negara BETA di Kuala Lumpur,
Ibu Kota Persekutuan pada dua belas hari bulan Disember, dua ribu dua puluh.

AL-SULTAN ABDULLAH RI'AYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH SHAH IBNI
ALMARHUM SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTA'IN BILLAH
Yang di-Pertuan Agong

*[Akan dibentangkan di Parlimen menurut Fasal (3) Perkara 150
Perlembagaan Persekutuan]*

EMERGENCY (ESSENTIAL POWERS) (NO. 2) ORDINANCE 2020

An Ordinance promulgated by the Yang di-Pertuan Agong pursuant to Clause (2B) of Article 150 of the Federal Constitution.

[12 December 2020]

WHEREAS by reason of the existence of a grave emergency threatening the security, economic life and public order in a part of the Federation namely the Parliamentary Constituency of P. 054 Gerik, Perak arising from the epidemic of an infectious disease, namely Coronavirus Disease 2019 (COVID-19), a Proclamation of Emergency has been issued by the Yang di-Pertuan Agong under Article 150 of the Federal Constitution on this twelfth day of December, two thousand twenty:

AND WHEREAS the Yang di-Pertuan Agong is satisfied that immediate action is required to guarantee and preserve the security, economic life and public order:

IT IS HEREBY PROMULGATED AN ORDINANCE by the Yang di-Pertuan Agong pursuant to Clause (2B) of Article 150 of the Federal Constitution as follows:

Short title

1. This ordinance may be cited as the **Emergency (Essential Powers) (No. 2) Ordinance 2020**.

Election of Parliament

2. (1) For so long as the emergency is in force, the requirement to fill the casual vacancy amongst members of the House of Representatives within sixty days from the date on which it is established by the Election Commission that there is a casual vacancy under Article 54 of the Federal Constitution shall not have effect for the purposes of the Parliamentary Constituency of P.054 Gerik, Perak.

(2) The dates that have been specified for the purpose of conducting the by-election for the Parliamentary Constituency of P.054 Gerik, Perak shall be revoked and any proceedings commenced for the purpose of conducting the election shall not be continued.

(3) For the purpose of holding the by-election to fill the casual vacancy for the Parliamentary Constituency of P.054 Gerik, Perak, the Election Commission shall hold the by-election within sixty days from the date of the Proclamation of Emergency (No. 2) is revoked or annulled, subject to the proviso to Clause (1) of Article 54 of the Federal Constitution on casual vacancy.

PROMULGATED at OUR Istana Negara in Kuala Lumpur, the Federal Capital, this twelfth day of December, two thousand twenty.

AL-SULTAN ABDULLAH RI'AYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH SHAH IBNI
ALMARHUM SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTA'IN BILLAH
Yang di-Pertuan Agong

[To be laid before Parliament pursuant to Clause (3) of Article 150 of the Federal Constitution]